

08 OCT 1997

UMNO NEGERI YAKIN MASALAH EKONOMI MAMPU DIATASI

SEREMBAN, 8 Okt (Bernama) -- Badan Perhubungan UMNO Negeri Sembilan yakin masalah ekonomi berikutan kejatuhan nilai Ringgit dan pasaran saham negara sekarang akan dapat diatasi.

Menteri Besar Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad berkata, Umno Negeri Sembilan memberi sokongan penuh kepada usaha-usaha Perdana Menteri Dr Mahathir Mohamad untuk mengatasi masalah sekarang.

"UMNO Negeri Sembilan sendiri bersedia bersama-sama Dr Mahathir bagi menghadapi segala rintangan yang berlaku sekarang terutama dalam usaha menjejaskan kepimpinannya dan negara," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat khas Badan Perhubungan UMNO negeri di sini, hari ini.

Beliau yang juga Pengerusi Badan Perhubungan UMNO negeri berkata, kini sudah tiba masanya setiap anggota UMNO mengembleng tenaga bagi membanteras cubaan pihak tertentu merosakkan ekonomi negara.

Satu resolusi berhubung sokongan UMNO Negeri Sembilan itu telah dihantar kepada Dr Mahathir hari ini, katanya.

Beliau juga berkata media-media asing selama ini tidak pernah memberikan sebarang gambaran yang baik terhadap negara ini dan tidak ada sebab untuk rakyat mudah terpengaruh dengan mereka.

"Selama ini, mereka cemburu melihat kejayaan Malaysia sebagai sebuah negara membangun dan Dr Mahathir sebagai pemimpin yang disegani dunia," katanya. -- BERNAMA

RAB PR